
Sistem Pengurusan Inventori Berasaskan Analisis ABC, Suatu Kajian Kes di PChem Supply & Services Sdn. Bhd.

Hazman Mat

Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah, Bandar Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
E-mail: hazman@pms.edu.my

Abstrak

Sistem pengurusan inventori berasaskan Analisis ABC adalah pendekatan pengurusan inventori yang menyediakan penyelesaian kepada susunatur yang lebih sistematik dan efektif serta membantu capaian yang lebih mudah kepada inventori dengan menKUGkelaskan item inventori kepada 3 kelas utama iaitu Kelas A, Kelas B dan Kelas C berdasarkan peratus kekerapan penggunaannya. Kajian kes berbentuk kualitatif melalui pemerhatian langsung terhadap sistem pengurusan inventori berkomputer dan susunatur inventori fizikal di Unit Stor dan Logistik, temubual berstruktur terhadap responden daripada kalangan pengurus dan kakitangan dan semakan dokumen yang berkaitan mendapati terdapat permasalahan dan isu dari segi ketepatan dan capaian inventori dalam pengurusan inventori di Syarikat PChem Supply & Services Sdn Bhd. yang boleh ditambahbaik dengan mempraktikkan pengurusan inventori berasaskan Analisis ABC. Oleh itu, cadangan penambahbaikan terhadap pengurusan inventori telah diberikan dan dilaksanakan kepada sistem pengurusan inventori berkomputer dan sistem pengurusan inventori fizikal syarikat. Hasilnya, objektif kajian kes ini telah tercapai dengan pengurusan inventori yang lebih sistematik, efektif dan capaian inventori yang lebih mudah.

Kata kunci: Kajian Kes; Sistem Pengurusan Inventori; Analisis ABC

I. PENGENALAN

Sistem pengurusan inventori merupakan aspek pengurusan yang sangat penting dalam sesebuah organisasi, khususnya bagi syarikat yang jumlah pusinganti inventornya adalah tinggi seperti di Syarikat PChem Supply & Services Sdn Bhd. Syarikat ini merupakan syarikat pembekal bahan kimia dan peralatan keselamatan yang utama di Pantai Timur, Malaysia. Oleh itu, sistem pengurusan inventori yang cekap adalah penting bagi mengelakkan daripada pembaziran, stok tamat tempoh, risiko keselamatan dan susunatur yang tidak sistematik [1][2][3].

Kajian kes berbentuk kualitatif menggunakan instrumen temubual berstruktur, pemerhatian dan semakan dokumen terhadap sistem pengurusan inventori fizikal dan berkomputer di Syarikat PChem Supply & Services Sdn Bhd untuk mengumpul data dan menjalankan analisis kajian kes [4] telah digunakan. Pengkaji mengambil peluang untuk bersama-sama pihak pengurusan

syarikat untuk melaksanakan cadangan dan penambahbaikan daripada hasil penemuan kajian kes ini. Kemudiannya melaporkan cadangan dan penambahbaikan sebagai bukti hasil kajian kes ini.

Syarikat menggunakan dua lot utama bangunannya sebagai stor untuk penyimpanan inventori yang dibeli dan dijual. sistem pengurusan inventori di syarikat dilaksanakan secara fizikal dan berkomputer oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab Pengurus Besar (R1), Pengurus Kawalan Kualiti (R2), Pengurus Perakaunan (R3), Pegawai Pembelian dan Jualan (R4) serta dua (2) Pegawai Stor dan Logistik yang merupakan kakitangan stor dan logistik (R5) dan kakitangan penghantaran (R6).

Sistem pengurusan inventori yang sistematik dan berkesan pastinya dapat membantu syarikat mengenalpsti kedudukan dan ketersediaan inventori dengan tepat [1] apabila Pesanan Belian (PO) diterima. Namun, sistem pengurusan inventori sediaan tidak dapat menyediakan notifikasi awal

terhadap kedudukan dan ketersediaan inventori (R1). Ini menyebabkan, sekiranya, inventori tidak mencukupi atau tersedia untuk sesuatu PO, pelanggan terpaksa menunggu pesanan baharu dibuat oleh Syarikat melalui pembekalnya untuk memenuhi PO tersebut (R4).

Hasil daripada temubual berstruktur terhadap R1, R3 dan R4 mendapati terdapat keluhan dan aduan terhadap sistem pengurusan inventori syarikat apabila berlaku kesukaran dan masalah dalam mengenalpasti ketepatan dan kedudukan inventori melalui *UBS Inventory & Billing System* berbanding ketepatan dan kedudukan inventori di Stor dan Logistik fizikal yang dianggap sebagai isu kecil tetapi ia memberikan kesan yang besar kepada reputasi syarikat terhadap pelanggan-pelanggannya. Oleh itu, pengurusan inventori yang tinggi kebergantungan kepada sistem berkomputer perlu dikaji dan dikenalpasti penambahbaikannya.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah:

1. Menenalpasti sistem pengurusan inventori yang digunakan oleh syarikat.
2. Menenalpasti ciri-ciri sistem pengurusan inventori sebagai sistem kawalan inventori.
3. Mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan ke arah pengurusan inventori yang sistematik dan cekap.

II. KAJIAN LITERATUR

Inventori merupakan komponen utama dalam pengelasan aset sesebuah perniagaan dan memainkan peranan utama dalam memenuhi permintaan pelanggan. Oleh itu pelaburan yang signifikan diperuntukkan oleh syarikat untuk mengurus inventori secara berkesan [2]. Pengurusan inventori yang cekap dan berkesan akan membantu mengurangkan pembaziran bahan mentah, penjimatan kos penyimpanan dan boleh meningkatkan keyakinan pelanggan [5].

Pengurusan inventori didefinisikan sebagai kaedah susunatur, penyimpanan dan penggantian senarai inventori yang berada di stor [6]. Ia merujuk kepada penggunaan sistem pengurusan inventori secara fizikal untuk mengawal kemasukan, penyimpanan dan pengeluaran barang dari stor atau gudang secara sistematik. Ia bertujuan untuk memastikan stok mencukupi tanpa berlebihan, serta mengelakkan pembaziran dan kerugian kos penyimpanan [5].

Perkembangan teknologi digital khususnya penggunaan sistem perakaunan berkomputer seperti *UBS Inventory and Billing System* telah membantu syarikat mengurus inventori dengan lebih berkesan dan cekap. Modul yang tersedia membantu syarikat sebagai alat kawalan inventori. Khususnya dengan

melaksanakan pengurusan inventori menggunakan kaedah pergerakan inventori (*FIFO, LIFO atau AVERAGE*), pengurusan kedudukan inventori semasa (*balance b/d, minimum level, maximum level and reorder level*) dan lain-lain yang boleh ditetapkan/dipilih. Namun ia tidak mengubah peranan pengurusan inventori secara fizikal terhadap pergerakan inventori, penyimpanan dan pemrosesan transaksi perniagaan [7] kerana pengurusan inventori secara fizikal adalah menyokong kepada sistem pengurusan inventori secara berkomputer.

Pendekatan pengurusan inventori secara fizikal yang biasa diterapkan oleh syarikat-syarikat adalah pendekatan Analisis ABC [6]. Analisis ABC diterapkan dalam pengurusan inventori dengan mengasingkan inventori kepada tiga kategori utama berdasarkan jumlah kos penggunaannya [8], ia selari dengan pengelasan dibuat berdasarkan jumlah nilai ringgit dan kekerapan penggunaannya [9]. Dengan ini pengurusan inventori menjadi lebih cekap dengan melakukan susunatur inventori berdasarkan keutamaan dan sumbangannya kepada perniagaan contohnya, A merujuk kepada inventori paling penting, B merujuk kepada inventori sederhana penting dan C merujuk kepada inventori yang kurang penting [8]. Pengurusan inventori menggunakan Analisis ABC terbukti membantu pihak pegawai stor menenalpasti kedudukan inventori di dalam stor dan memudahkan pengeluaran barangniaga apabila jualan dan lain-lain aktiviti kawalan inventori berlaku [9].

Dengan gabungan sistem pengurusan inventori berkomputer (*UBS Inventory and billing System*) dan pengurusan inventori secara fizikal seperti Analisis ABC dan FIFO dalam perniagaan khususnya, pegawai perakaunan dan pegawai stor dapat menenalpasti stok berlebihan atau kekurangan, stok tamat tempoh, rekod idak tepat, menjimatkan ruang dan kos penyimpanan serta sisa-sisa atau bahan buangan yang tidak dikendalikan dengan cekap.

III. METODOLOGI

Kajian kes ini adalah kajian berbentuk kualitatif. Di mana, sampel responden dipilih secara non-probabiliti menggunakan teknik *judgemental* yang terdiri daripada dua (2) responden yang merupakan pihak pengurusan dan tiga (4) responden di kalangan pekerja syarikat yang terlibat secara langsung dengan proses dan prosedur pengurusan inventori.

Kaedah ini adalah bersesuaian dan diharap dapat mencapai objektif kajian [4]. Pengumpulan data daripada responden dilakukan melalui pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen dalaman syarikat. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami proses sebenar pengurusan inventori yang diamalkan oleh syarikat [4][10].

Kaedah pemerhatian yang digunakan melibatkan pemerhatian secara terus (*direct observation*) melalui penglibatan (*participant-observation*). Menggunakan kaedah ini memungkin interaksi sosial secara langsung pengkaji dan subjek kajian membolehkan pengkaji memahami dengan jelas isu-isu yang ingin dikaji [11]. Ini dapat dilakukan dengan berkesan kerana pengkaji menjalani Latihan Sangkut Industri selama 28 hari di syarikat yang dikaji.

Temubual menggunakan soalan berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden. Di mana satu set soalan berbentuk pertanyaan disediakan untuk memastikan responden menjawab sesi temubual secara terarah kepada persoalan kajian dan pengkaji juga tidak tertinggal persoalan-persoalan yang ingin dikaji [10].

Di samping itu, pengumpulan data menggunakan analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan dengan persoalan-persoalan yang ingin dikaji. Dokumen-dokumen yang dianalisis adalah dokumen asal yang tersedia dan tidak boleh ditipu [10][12]. Dokumen-dokumen yang dianalisis adalah termasuk *invoice, purchase order, sales order, quotation* dan lain-lain dalam bentuk fizikal dan melalui sistem perakaunan berkomputer (*UBS Inventory and Billing*).

Objektif akhir kajian kes ini adalah untuk mencadangkan suatu pendekatan praktikal kepada syarikat untuk penambahbaikan pengurusan inventori sediaada. Kajian kes ini mengenengahkan pendekatan Analisis ABC untuk susunatur inventori yang dicadangkan.

Manakala kaedah susunatur inventori menggunakan Analisis ABC adalah berdasarkan pengelasan inventori kepada 3 kelas utama iaitu Kelas A, Kelas B dan Kelas C berdasarkan nilai ringgit (jualan) dan kekerapan penggunaan inventori [9][13][14][15].

IV. DAPATAN

Seramai enam (6) responden telah dipilih untuk sesi temubual berstruktur yang dilakukan. Responden terdiri daripada Pengurus Besar (R1), Pengurus Kawalan Kualiti (R2), Pengurus Perakaunan (R3), Pegawai Pembelian dan Jualan (R4) serta dua (2) Pegawai Stor dan Logistik yang merupakan kakitangan stor dan logistik (R5) dan kakitangan penghantaran (R6).

Hasil temubual berstruktur dan pemerhatian fizikal di lampirkan seperti Jadual 1 dan Jadual 2 dibawah:

Jadual 1: Temubual berstruktur

Item		R1	R2	R3	R4	R5	R6
1	Perekodan penerimaan stok	UBS	UBS	UBS	UBS	UBS	Tidak terlibat
2	Sistem pengurusan inventori	UBS, tiada notifikasi stok tidak mencukupi.	UBS	UBS	UBS, tiada notifikasi stok tidak mencukupi.	UBS	UBS
3	Ketepatan stok	Tidak tepat	Tidak tepat	Tidak tepat	Rujuk UBS	Tidak tepat	Tidak pasti
4	Stok tamat tempoh	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
5	Audit inventori berkala	Tahunan	Tahunan	Tahunan	Tahunan	-Tahunan -selepas urusniaga	Tahunan

Jadual 2: Pemerhatian Fizikal

Item		Ulasan
1	Susunatur Stor	Teratur, tetapi terdapat stok yang berada pada label yang salah.
2	Lebel yang tekini dan tepat	Label khusus kepada stok tidak jelas. Contohnya pengeluaran, jenis, saiz dan nombor rak.
3	Pemantauan tarikh luput	Pemantauan tidak menyeluruh. Terdapat stok yang luput tarikh masih berada di rak-rak inventori.
4	Sistem inventori digital	Sistem inventori seperti QR code. Bar code dan POS Tidak digunakan
5	Sistem Pengurusan Inventori	UBS Accounting System merupakan pengkalan data utama transaksi perniagaan syarikat. Penetapan unit <i>minimum level, maximum level dan re-order level</i> tidak dipraktikkan.

Dapatan daripada temubual berstruktur (Jadual 1), pemerhatian (Jadual 2) di atas dan dokumen *inventory maintenance* mendapati sistem pengurusan inventori di Syarikat boleh dibahagikan kepada dua (2) jenis sistem pengurusan inventori iaitu:

A Pengurusan Inventori Fizikal

Sistem pengurusan inventori fizikal berlaku di Unit Stor dan Logistik di mana inventori yang diterima daripada pembekal akan didaftarkan setelah kuantiti dan kualiti yang diterima disahkan berdasarkan pesanan belian (PO). Pegawai stor (R5) akan mengemaskini rekod inventori dan disusun mengikut rak-rak yang disediakan berdasarkan jenama-jenama tertentu menggunakan kaedah *First in First Out (FIFO)*.

Manakala, pengeluaran inventori untuk jualan/penghantaran dilakukan oleh Pegawai Stor dan Logistik (R5) bersama pemandu (R6) dengan merujuk kepada dokumen *Delivery order (DO)* dan perlu disemak bersama dengan dokumen Sales Order (SO) yang disediakan oleh Unit Jualan (R4) untuk memastikan pengeluaran inventori dan kuantiti yang betul.

Pemeriksaan yang berterusan dan berkala sekurang-kurang setahun sekali dilakukan untuk memastikan inventori adalah tepat, tersedia dan pengasingan inventori perlu lupus dapat dikenalpasti pada masa yang tepat (R5). Tiada rekod fizikal seperti Kad Lejer Stor dipraktikkan.

B. Pengurusan Inventori Berkomputer.

Sistem pengurusan inventori berkomputer *UBS Inventory & Billing System* merupakan sistem pengkalan data utama pengurusan inventori di Syarikat dengan menyelaraskan inventori yang diterima (*Purchase Order*) dan dijual (*Sales Order*) dikemaskini oleh Pegawai Stor dan Logistik (R5) yang diseliaikan oleh Pengurus Perakaunan (R3) menggunakan *UBS Inventory & Billing System*.

Pengurus Perakaunan bertanggungjawab untuk menetapkan kriteria maklumat-maklumat inventori yang akan direkodkan menggunakan *UBS Inventory & Billing system*. Manakala Pegawai Jualan (R4) pula akan merujuk baki terkini (*B/F*) inventori menggunakan *UBS Inventory & Billing System* semasa menerima dan mengesahkan ketersediaan stok di Unit Stor dan Logistiiik sebelum pengeluaran Pesanan Jualan (SO).

Pesanan Jualan yang telah lengkap akan disertakan invois dan Pesanan Penghantaran (DO) untuk penghantaran pesanan pelanggan oleh Pegawai Stor dan Logistik (R5).

Daripada dapatan di atas, punca kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Pengurus Besar (R1), Pengurus Kawalan Kualiti (R2), Pegawai Belian dan Jualan (R4) dan Pegawai Stor dan Logistik (R5) dapat dikenalpasti dan memerlukan cadangan dan penambahbaikan yang sesuai iaitu:

- a) Kebergantungan syarikat kepada *UBS Inventory and billing System* adalah tinggi kerana rekod inventori tidak disimpan atau tidak boleh dirujuk di stor fizikal iaitu kad ledger stor. Ini menyebabkan pengiraan inventori secara fizikal tidak tepat berbanding maklumat daripada *UBS Inventory and billing System*.
- b) Pemeriksaan inventori secara berterusan khususnya setelah jualan berlaku tidak dipraktikkan secara konsistant menyebabkan susunan dan jumlah unit inventori di stor tidak tepat, tercacir dan inventori luput tarikh berlaku.
- c) Ketersediaan stok dan stok tidak mencukupi pesanan pelanggan (PO) hanya disedari apabila menerima pesanan pelanggan. Ia perlu dirujuk langsung kepada pihak pengurus Stok dan Logistik (R5).
- d) Stok tamat tempoh tidak diurus dengan sistematik, Ini menunjukkan kaedah FIFO tidak dipraktikkan dengan baik menyebabkan stok luput tarikh tidak disedari.
- e) Penggunaan *UBS Inventory and billing System* tidak dikemaskini dan tidak didaftarkan berdasarkan penepatan inventori di rak-rak yang disediakan.
- f) Modul *UBS Inventory and billing System* menyediakan menu kawalan pengurusan inventori yang lengkap seperti *minimum level, maximum level dan re-order level*. Namun, tidak dimanfaatkan untuk tujuan kawalan inventori menggunakan *UBS Inventory and billing System* oleh Pengurus Perakaunan Syarikat.

Perkara-perkara a hingga f yang dinyatakan di atas telah memberi kesan signifikan terhadap kedudukan dan susunatur inventori di Unit Stor dan Logistik yang sediaada.

V. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Bagi mencapai objektif-objektif kajian kes ini, syarikat perlu mengemaskini dan menambahbaik sistem pengurusan inventori sediaada samada *UBS Accounting System* atau Sistem Pengurusan Inventori fizikal di Unit Stor dan Logistik.


Bermula dengan penetapan kuantiti *minimum level*, *maximum level* dan *re-order level* menggunakan *UBS Inventory and Billing System* sebagai persediaan awal sekiranya kuantiti berada pada tahap-tahap tersebut maka tindakan awal dapat diambil [6].

Ia akan menjadi sistem kawalan inventori yang berkesan kepada syarikat walaupun ia tidak dapat menggantikan sistem kawalan inventori secara fizikal [7].

Pengurusan inventori yang lengkap bagi sesebuah syarikat mestilah menyeluruh, bukan sahaja dari segi penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan *UBS Inventory and Billing system* malah ia perlu diselaraskan dengan susunatur yang sistematik dan berkesan [5].

Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah menunjukkan kedudukan dan susunatur inventori sediaada di syarikat yang tidak sistematik dan ditemui juga inventori luput tarikh serta kaedah FIFO tidak diberikan perhatian.

Rajah 1: Susunatur Inventori



Rajah 2: Susunatur Tidak Sistematik, Stok Luput Tarikh Ditemui dan FIFO



Oleh itu pendekatan susunatur inventori menggunakan Analisis ABC digunakan untuk merekabentuk dan menetapkan kedudukan susunatur yang sistematik dan berkesan [1][2][3][6].

Susunatur menggunakan pendekatan Analisis ABC [9] dan pengalaman R5 dalam mengurus inventori syarikat dilaksanakan berdasarkan ketetapan Jadual 3 berikut:


Jadual 3: Susunatur Inventori Analisis ABC

Nilai Sumbangan inventori	A (70%)	B (25%)	C (5%)
Pengkelasan Inventori	3M ANSELL	Eppendorf Biologic Cemical	Tisu Medical Kaca
Penjagaan inventori Kedudukan	Tinggi Depan	Sederhana Tengah	Rendah Belakang

Cadangan penyusunan semula inventori di Unit Stor dan Logistik adalah berdasarkan nilai inventroi yang memberikan sumbangan yang tinggi kepada syarikat dengan menilai kekerapan inventroi dijual. Inventroi ini perlu berada lebih dekat dengan pegawai Stor dan Logistik untuk memudahkan pengeluaran dan kemaskini inventroi secara berterusan [9]. Penilaian

pertama adalah dengan sumbangan sebanyak 70%. Ia diikuti oleh inventroi yang sederhana dan rendah sumbangannya iaitu 25% dan 5%. Rajah 3 dan 4 di bawah menggambarkan perubahan yang dilakukan terhadap susunatur yang baharu berdasarkan Analisis ABC yang lebih sistematik, teratur dan kemaskini kaedah FIFO.

Rajah 3: Susunatur Inventori Analisis ABC



Rajah 4: Susunatur Sistemati, Teratur dan Kemaskini Keadah FIFO



VI. KESIMPULAN

Objektif utama kajian kes ini adalah untuk mengenalpasti dan membantu syarikat menambahbaik sistem pengurusan inventori sediaada dengan mengemukakan cadangan sistem pengurusan inventori yang sistematik dan berkesan terhadap sistem pengurusan inventori berkomputer dan sistem pengurusan inventori fizikal di syarikat.

Penambahbaikan terhadap sistem pengurusan berkomputer melalui penetapan awal maklumat *shelf*, *expired date*, *minimum level*, *maximum level* dan *reorder level* pada menu UBS *Inventori & Billing System* diselaraskan dengan susunatur inventori berdasarkan Analisis ABC telah berjaya memberi penyelesaian terhadap pengurusan inventori sediaada. Khususnya apabila ketepatan unit inventori daripada system berkomputer (*Stock Card*) dapat disahkan dengan tepat pada unit inventori di Stor dan Logistic fizikal.

ACKNOWLEDGMENT

Penghargaan dikhususkan kepada pihak pengurusan Syarikat PChem Supply & Services Sdn Bhd iaitu Pengurus Besar, Pengurus Kawalan Kualiti, Pengurus Perakaunan, Pegawai Pembelian dan Jualan, Pegawai Stor dan Logistik serta kakitangan penghantaran yang terlibat secara langsung sepanjang 28 hari kajian kes ini dijalankan.

RUJUKAN

- [1] Milan Jamelka, Bronislov Chramcov & Pavel Kriz (2016), Redistribution of Stock Sections According to The Materials Turnover and The ABC Method.
- [2] Vellien Vatumalea, Premkumar Rajagopal, Verapandian Kaliani Sundrem and Zhou Hua (2022), A Study of retail hyper market warehouse inventory management in Malaysia, Vol 18 no 1.
- [3] Muhammad Baihaqi Sukaini & Muhaini Othman (2022), Sistem Pengurusan Inventori, Applied Information Technology and Computer Science, Vol. 3, No. 1 pp 400-416.
- [4] Joseph F. Hair Jr., Arthur H. Money, Philip Samuouel & Mike Page (2007), Research Methods for Business, John Wiley & Sons, Ltd.
- [5] Atnaful, D., Balda, A. (2018), The impact of inventory management practice on firm's competitiveness and organizational performance: Empirical evidence from micro and small enterprise in Ehtiophia. Corent Business and Management, 5 (1), 1-16
- [6] Shamani Jayakumaran, Wong Zi Shan & Dazmin Daud (2020), ABC Analysis: A Qualitatif Case Study on Inventory Management in Giant Superstore Taman Connaught, An Outlet of GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd. ISTCCA 2019 IOP Conf. Series: Materials Science and Engineering.
- [7] Dave Piasecki, (2001), Inventory Operations Consulting LLC in Warehouse Management
- [8] Muchaendephi. W., Mbohwa, C. Hamandishe, T. Kenype, J. (2019), Inventory and management performance of SMEs in the manufacturing sector of Harare. Procedia Manufacturing, 33, 453-461.
- [9] Hazman Mat, Muhammad Yusof Amri & Muhammad Hafidz Haidzir (2020), Aplikasi Logistik Pengurusan Inventori di Gromax Machinery Parts Supplies, Proceeding Book of International Conference on Global Education VIII.
- [10] Kamarul Azmi Jazmi (2018), Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- [11] Moleong, L.J. (1989), Metodologi Penelitian Kualitatif, Bandung. Remaja Rosdakarya.
- [12] Babbie E. (2010), The Practice of Social Research, USA. Wadsworth Cengage Learning.
- [13] Belinda Ray Silaen, Marnis Nasution & Rahma Muti'ah (2024), Implementation of The ABC Analysis to The Inventory Management, International Journal of Science, Technology and Management, pp 816-825
- [14] Buyong, R. & Ahmad, A.N.A (2020), Amalan Pelaksanaan JIT Dalam Sistem Pengurusan Inventori Bagi Meningkatkan Kecekapan, Research in Management Technology and Business, Vol 1 No 1, pp 337-345.
- [15] Aidil Hanafi, Nur Syuhadah Kamaruddin, Nurshahirah Salehuddin & Suraiya Ibrahim (2023), Improving Warehouse Efficiency Through Effective Inventory Management Practices, Social and Management Journal.

AUTHOR'S INFORMATION

Author:
Hazman Mat



Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah, Lebu Raya Tun Razak,
Muadzam Shah, 26700, Pahang Malaysia

E-mail: hazman@pms.edu.my